



■ **IMBAS KEMBALI...**Musa Talib (kiri) mengalami kecederaan ketika berlatih dengan Rashid Che Omar.

# Musa alih kepada silat

22 APR 1990  
B. Minggu (M)

Oleh RAHIME YUSOF

KECELAKAAN yang sering menimpa menjelang setiap kejohanan antarabangsa memaksa juara taekwondo kebangsaan kategori *welter*, Musa Talib mengambil keputusan bersara.

Katanya: "Barangkali saya tidak sesuai berada dalam skuad utama negara. Ini kerana setiap kali berlatih menghadapi kejohanan antarabangsa, saya setiasa ditimpa kecederaan.

"Saya sendiri hairan mengapa kecederaan sering menimpa saya. Ia seakan satu kecederaan yang membantut hasrat saya meraih pingat untuk negara," jelasnya.

Selain itu, Musa mendakwa tawar hati kerana pelbagai masalah yang ada sangkut paut dengan Persatuan Taekwondo Malaysia (MTA) dan juga Persatuan Seni Mempertahankan Diri Angkatan Tentera Malaysia (PSMDATM) yang diwakilinya.

Musa turut mengalami patah tangan kiri empat hari menjelang Sukan SEA XV Kuala Lum-

pur lalu sewaktu berlatih dengan juara *heavy* kebangsaan, Rashid Che Omar.

Katanya: "Waktu itu saya cukup cergas bagi menghadapi Sukan SEA, tetapi entah macam mana dalam latihan saya terjatuh sewaktu mengelak tendangan Rashid. Tangan saya patah. Ia cukup menghampakan."

Bagaimanapun, kekosongan tempat Musa itu diisi oleh Lee Chin Ann yang berjaya meraih pingat emas pada Sukan SEA lalu.

Pada Sukan SEA Jakarta 87, Musa juga terpaksa memberi laluan kepada rakan lain kerana sering demam-demam.

Sebagai ahli seni mempertahankan diri katanya, ada kemungkinan dia akan mengubah haluan berjinak dengan silat olahraga.

Musa berkata: "Berdasarkan kejayaan rakan-rakan saya seperti Mazlan Shaari, Zakaria Hamzah, Azam Mokhtar dan Zainal Abidin Amat dalam silat, ada kemungkinan saya boleh mengikuti jejak mereka. Ini kerana mereka juga adalah ahli taekwondo kebangsaan."